

21 MAR 1996

Mahathir-Perwaja

PERWAJA BOLEH DIPULIHKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin Perwaja Steel, yang banyak menanggung hutang, boleh dipulihkan.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Forum Perniagaan Sejagat Sony di sini: "Kita rasa kita boleh memulihkan Perwaja. Kita boleh memulihkan perniagaan yang gagal, ini bukan sesuatu yang mustahil."

Beliau memberi contoh bahawa Bank Bumiputra, yang pernah mengalami masalah serius pada suatu ketika dulu, kini banyak membuat keuntungan.

Dr Mahathir menjawab soalan sama ada kerajaan akan menggunakan Bank Bumiputra dan bank tempatan lain untuk membiayai pinjaman Perwaja.

"Ia bukan soal pembiayaan. Kita perlu mengkaji masalah Perwaja. Apabila kita dapat mengesan masalah itu, kita akan menstrukturkan semula Perwaja," katanya.

Ketika ditanya jika Perwaja boleh dipulihkan menerusi penswastaan, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu terikat dalam membuat keputusan dengan memberikan jawapan sekarang.

"Jika saya mengumumkan kepada akhbar sekarang, (kelak) anda akan berkata dulu kata saya mahu swastakan, mengapa tidak diswastakan. Saya tidak mahu mengikat dan menghadkan diri saya dengan membuat keputusan yang kelak berkaitan dengan persoalan yang akan dibangkitkan," katanya.

Perwaja Steel dimiliki 19 peratus ekuiti oleh Kerajaan Negeri Terengganu menerusi syarikat miliknya Syarikat Terengganu Perwaja Sdn Bhd dan selebihnya oleh Khazah Holdings, anak syarikat Kementerian Kewangan.

Dr Mahathir berkata beliau telah menerima laporan awal mengenai kedudukan kewangan dan operasi Perwaja tetapi beliau perlu melihat laporan penuh mengenai syarikat itu.

"Jadi, berdasarkan laporan awal itu, saya hanya meminta mereka meneruskan kajian (mengenai kedudukan syarikat itu) dan memberikan saya butir-butir terperinci. Kemudian kita akan membuat keputusan," katanya.

Ketika ditanya bagaimana pinjaman Perwaja akan dibayar, lebih-lebih lagi dengan keadaan turun naik nilai Yen, Dr Mahathir berkata masalah itu tidak melibatkan Perwaja sahaja.

Beliau berkata: "Apabila kita meminjam Yen, kita membayar lebih banyak daripada apa yang kita pinjam kerana kenaikan nilai Yen.

"Kita telah meminta kerajaan Jepun supaya merunding semula pinjaman Yen itu tetapi mereka enggan kerana mereka berkata ini bukan sahaja melibatkan Malaysia tetapi negara-negara lain yang meminjam dari Jepun."

Dr Mahathir berkata adalah pelik pada Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) baru-baru ini, Jepun menyarankan Malaysia dan Singapura supaya menggunakan simpanan mereka untuk menyokong Yen.

"Kita kehilangan banyak wang dengan meminjam Yen, bagaimana Jepun boleh meminta kita menyokong Yen dengan simpanan kita. Kita perlu menyimpan simpanan untuk kegunaan kita," katanya.

Menurut laporan-laporan akhbar, Perwaja, yang dilaporkan kerugian RM376.54 juta bagi tahun berakhir 31 Mac 1995, cuba mendapatkan penangguhan bayaran faedah dan asas terhadap sebahagian daripada RM5,700 juta pinjaman bank.

Dilaporkan bahawa beberapa syarikat senarai awam telah dipelawa membentuk sebuah konsortium untuk membantu Perwaja dan kerajaan sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat ini.

Antara syarikat yang dinyatakan dalam laporan akhbar itu sebagai "berminat" menyelamatkan Perwaja ialah Lion Group, Westmont Industries Bhd, Amalgamated Industrial Steel dan Permodalan Nasional Berhad.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini berkata kerajaan tidak menggalakkan pinjaman baru untuk Perwaja sehingga audit bebas terhadap syarikat milik negara itu diselesaikan. -- Bernama.

AZZ AU NAK AHH